

Kesan Perintah Kawalan Pergerakan Terhadap Pulangan Saham Sektor Penjagaan Kesihatan

NOR SUHAIRA JAMIL
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
MALAYSIA
suhairajamil@psis.edu.my

LATIFAH SAMSUDDIN
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
MALAYSIA
latifahjp@psis.edu.my

SITI AISHAH MOHAMAD SIS
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
MALAYSIA
aishahsis@psis.edu.my

ABSTRAK

Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 selama 14 hari bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Perintah ini dilaksanakan di seluruh negara bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Sepanjang tempoh PKP, rakyat Malaysia dilarang daripada melakukan pergerakan dan perhimpunan menyebabkan penutupan semua rumah ibadat, institusi pendidikan dan premis perniagaan kecuali yang menjual barangan keperluan harian dan sektor perkhidmatan yang disenaraikan sebagai penting kepada negara. Memandangkan kebanyakan premis perniagaan dihalang daripada beroperasi, pasaran saham yang didagangkan di Bursa Malaysia dijangka turut terjejas akibat pelaksanaan PKP ini. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk menguji kesan PKP ke atas pulangan saham yang memberi fokus kepada dagangan dalam sektor penjagaan kesihatan. Kajian ini menggunakan Metodologi Kajian Peristiwa - Model Pasaran untuk mengira pulangan saham seterusnya menilai sejauhmana pelaksanaan PKP telah memberi kesan ke atas pulangan saham. Hasil kajian mendapati, PKP telah memberikan kesan negatif yang signifikan ke atas pulangan saham bermula 10 hari sebelum pengumuman pelaksanaan PKP sehingga hari ke-8 selepas pengumuman. Namun begitu, sub sektor peralatan kesihatan mencatatkan pulangan purata kumulatif yang positif bermula 10 hari sebelum pengumuman berbanding sub sektor farmasi dan perkhidmatan hospital yang mencatatkan pulangan negatif bermula 10 hari sebelum pengumuman. Dapatan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pasaran saham di Malaysia bertindakbalas terhadap pengumuman yang dibuat, selaras dengan Teori *Random Walk*.

Kata Kunci: Perintah Kawalan Pergerakan, Pulangan Saham, Sektor Kesihatan

ABSTRACT

Malaysia has implemented the first phase of Movement Control Order (MCO) for 14 days from 18 March 2020 to 31 March 2020. This order is implemented nationwide to curb the spread of the Covid-19 pandemic. During the MCO period, Malaysians were barred from holding movements and rallies resulting in the closure of all houses of worship, educational institutions and business premises except those selling daily necessities and service sectors listed as important to the country. As most business premises are barred from operating, the stock market traded on Bursa Malaysia is also expected to be affected as a result of the implementation of this MCO. Therefore, the objective of this study is to test the effect of MCO on stock returns focusing on trading in the healthcare sector. This study uses the Event Study Methodology - Market Model to calculate stock returns and then assess if the implementation of MCO has had an impact on stock returns. The results of the study found that MCO has given a significant negative impact on stock returns starting 10 days before the announcement of the implementation of MCO until the 8th day after the announcement. However, the health equipment sub-sector recorded a positive cumulative average return starting 10 days before the announcement compared to the pharmacy and hospital services sub-sector which recorded a negative return starting 10 days before the announcement. These findings indirectly prove that the stock market in Malaysia responded to the announcements made, in line with the Random Walk Theory.

Key Words: *Movement Control Order, Stock Return, Healthcare Sector*

PENGENALAN

Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin telah membuat pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Arahan PKP yang pertama ini atau lebih dikenali sebagai PKP 1.0 telah dilaksanakan selama 14 hari bermula 18 Mac - 3 Mei 2020 bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Sehingga kini, terdapat tiga fasa pelaksanaan PKP iaitu PKP 1.0, PKP 2.0 dan PKP 3.0 dimana PKP 1.0 dan PKP 3.0 dilaksanakan di seluruh negara manakala PKP 2.0 pula melibatkan hanya enam negeri yang berisiko tinggi dengan kapasiti perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik dan pusat pemulihan hampir penuh. PKP 1.0 telah bermula pada 18 Mac 2020, PKP 2.0 telah bermula pada 13 Januari 2020 dan PKP 3.0 pula telah bermula pada 25 Mei 2021 (<https://www.pmo.gov.my/ms/tag/pkp/>). Selain PKP, terdapat juga Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar.

Sepanjang tempoh PKP 1.0, rakyat Malaysia dilarang daripada melakukan pergerakan dan perhimpunan ramai yang membawa kepada penutupan semua rumah ibadat, institusi pendidikan dan premis perniagaan kecuali yang menjual barangan keperluan harian dan sektor perkhidmatan yang disenaraikan sebagai penting kepada negara. Sekatan turut melibatkan semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dan sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara. Manakala bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara selama 14 hari. Menurut Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Aziz, terdapat 68 peratus

perniagaan melaporkan tiada jualan atau hasil semasa PKP 1.0 (Astro Awani, 22 Mei 2021). Menurut beliau lagi, pelaksanaan PKP 1.0 telah menyebabkan penguncupan ekonomi negara sebanyak -5.9 peratus pada Mac 2020; -28.8 peratus pada April 2020; dan -19.7 peratus pada Mei 2020. Hal ini sekali gus menjadikan rekod penguncupan KDNK paling besar dalam sejarah negara dan prestasi paling buruk di rantau ASEAN pada suku kedua 2020 iaitu sebanyak -17.1 peratus (Bernama, 18 Mei 2021).

Secara keseluruhannya, ekonomi negara telah terjejas akibat pelaksanaan PKP. Pasaran saham yang didagangkan di Bursa Malaysia juga dijangka turut terkesan. Namun begitu, memandangkan PKP ini dilaksanakan bagi membendung penularan wabak penyakit, telah berlaku lonjakan permintaan terhadap peralatan penjagaan kesihatan seperti peralatan perlindungan diri (PPE) dan sarung tangan. Permintaan sarung tangan misalnya telah meningkat sehingga 20 peratus pada tahun 2020 (Mahanum, 2021) dan kilang-kilang yang terlibat dengan pembuatan sarung tangan juga dibenarkan beroperasi bagi menampung peningkatan permintaan. Oleh itu, pengkaji ingin menguji pulangan saham dengan memberi fokus terhadap sektor penjagaan kesihatan dengan mengesan sebarang pulangan luarbiasa sama ada berbentuk negatif mahupun positif.

Selain itu, berdasarkan Teori *Random Walk*, harga saham semasa adalah kesan daripada kesediaan maklumat tentang nilai sesuatu syarikat. Menurut (Tuyon & Ahmad, 2016), Malaysia mengadaptasi trend kecekapan pasaran yang lemah merentas ekonomi dan pasaran. Dapatan ini selari dengan kajian (Chin, 2008), yang mendapati bahawa hampir semua sektor pasaran saham di Malaysia mempunyai kecekapan pasaran yang lemah, kecuali hartanah. Trend kecekapan pasaran yang lemah menunjukkan kesediaan maklumat tidak memberi kesan terhadap pulangan saham. Secara tidak langsung, perubahan terhadap pulangan saham boleh menilai tindak balas pelabur terhadap pengumuman PKP.

SOROTAN KAJIAN

Hipotesis Kecekapan Pasaran

Hipotesis Kecekapan Pasaran atau lebih dikenali sebagai Teori *Random Walk* menyatakan bahawa harga saham semasa adalah kesan daripada kesediaan maklumat tentang nilai syarikat, dan tidak ada cara lain untuk memperoleh keuntungan lebih dengan menggunakan maklumat ini (Muhammad & Rahman, 2010). Ini bermaksud, pasaran yang cekap akan menghalang pelabur yang tidak mempunyai maklumat untuk membuat keuntungan yang tinggi. Kesannya, kesediaan maklumat akan serta merta menyebabkan perubahan harga saham. Logik idea ini adalah jika aliran maklumat tidak terganggu dan maklumat segera dicerminkan dalam harga saham, maka perubahan harga esok hanya akan mencerminkan berita esok dan akan bebas dari perubahan harga hari ini (Malkiel, 2003). Oleh itu, saham akan sentiasa diniagakan pada nilai wajar di bursa saham.

Terdapat tiga jenis kecekapan pasaran; lemah, separa kuat dan kuat (Fama, 1970). Kecekapan pasaran yang lemah mengandungi maklumat harga sejarah dan jumlah dagangan. Pasaran separa kuat merangkumi semua maklumat umum yang tersedia dan kecanggihan

teknologi terkini sangat membantu syarikat menyebarkan maklumat. Manakala kecekapan pasaran yang kuat hanya meliputi maklumat khusus yang diketahui oleh pihak dalaman syarikat. (Soon & Abdul Rahim, 2016).

Kajian Peristiwa

Kajian peristiwa adalah kaedah statistik yang digunakan untuk menilai kesan peristiwa terhadap nilai syarikat. Kajian peristiwa dapat mendedahkan maklumat penting mengenai bagaimana stok cenderung untuk bertindak balas terhadap suatu peristiwa. Metodologi kajian peristiwa digunakan secara meluas dalam penyelidikan dalam bidang kewangan, ekonomi dan perakaunan. Ia terus berkembang sejak pertama kali diterbitkan pada tahun 1933 (Campbell et al., 1997).

Kajian peristiwa banyak digunakan atas dua sebab utama; untuk menguji sama ada pasaran boleh memberi maklumat kepada pelabur dengan berkesan, atau untuk menguji sama ada sebarang peristiwa yang berlaku mengandungi maklumat yang boleh mempengaruhi kekayaan syarikat (Binder, 1998). Oleh yang demikian, kajian peristiwa dapat mengukur kesan ekonomi peristiwa tersebut terhadap nilai syarikat.

Terdapat tujuh langkah dalam analisis kajian peristiwa iaitu 1. Kenalpasti peristiwa dan bangunan tempoh peristiwa; 2. Kenalpasti syarikat yang ingin dijadikan sampel kajian; 3. Kira pulangan luarbiasa; 4. Kenalpasti anggaran peristiwa menggunakan set data sebelum atau selepas peristiwa; 5. Rekabentuk rangkakerja ujian untuk pulangan luarbiasa; 6. Dapatan kajian; dan 7. Kesimpulan (Campbell et al., 1997).

Model pasaran adalah salah satu kaedah kajian peristiwa yang telah mendapat banyak perhatian dalam penyelidikan lepas (Hasniza, 2010). Model pasaran adalah model statistik yang menghubungkan pulangan saham dengan pulangan portfolio pasaran. Ini berdasarkan andaian hubungan langsung dan berterusan antara pulangan aset individu dan pulangan indeks pasaran. Untuk melaksanakan Kajian Peristiwa -Model Pasaran, seorang pengkaji seharusnya membuat beberapa keputusan termasuk kekerapan pulangan diukur, jangka masa tempoh pemerhatian, dan jendela digunakan untuk mengukur pulangan yang luarbiasa.

METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan Sampel

Kajian ini memberi fokus kepada saham-saham syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia dalam sektor penjagaan kesihatan. Terdapat tiga belas saham syarikat di dalam sektor ini yang telah dikategorikan kepada tiga sub sektor iaitu sub sektor farmasi, peralatan kesihatan dan perkhidmatan hospital. Kesemua syarikat ini telah dipilih sebagai sampel kajian seperti dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1: Senarai Sampel Mengikut Sub Sektor

Bil.	Nama Syarikat	Sub Sektor	Bil.	Nama Syarikat	Sub Sektor
1	Top Glove Corporation Bhd	Peralatan Kesihatan	8	Pharmaniaga Bhd	Farmasi
2	Supermax Corporation Bhd	Peralatan Kesihatan	9	KPJ Healthcare Bhd	Perkhidmatan Hospital
3	Hartalega Holdings Bhd	Peralatan Kesihatan	10	Apex Healthcare Bhd	Farmasi
4	Duopharma Biotech Berhad	Farmasi	11	TMC Life Sciences Bhd	Perkhidmatan Hospital
5	IHH Healthcare Berhad	Perkhidmatan Hospital	12	Y.S.P.Southeast Asia Holding	Farmasi
6	Kossan Rubber Industries Bhd	Peralatan Kesihatan	13	Kotra Industries Bhd	Farmasi
7	Adventa Bhd	Peralatan Kesihatan			

Metodologi Kajian Peristiwa

Berdasarkan (MacKinley, 1997), garis masa bagi kajian peristiwa terbahagi kepada tempoh anggaran, tempoh peristiwa dan tempoh selepas peristiwa. Tempoh anggaran kajian ini adalah 100 hari bermula 8 Oktober 2019 sehingga 28 Februari 2020 iaitu 110 hari sebelum pengumuman dan berakhir 10 hari sebelum pengumuman. Tempoh peristiwa diambil selama 21 hari bermula 2 Mac 2020 sehingga 30 Mac 2020 iaitu 10 hari sebelum hari berlakunya pengumuman sehingga 10 hari selepas pengumuman dibuat. Pengumuman PKP pada 16 Mac 2020 adalah tarikh peristiwa. Kajian ini hanya memberi fokus kepada pulangan saham dalam tempoh peristiwa.

Kajian ini menggunakan Kajian Peristiwa - Model Pasaran untuk mengira pulangan saham. Kajian Peristiwa - Model Pasaran adalah metodologi yang paling sesuai bagi mengenalpasti kesan sesuatu pengumuman terhadap pulangan saham (Binder, 1998). Berikut adalah formula pengiraan yang digunakan dalam kajian ini:

$$r_{i,\tau} = \ln(P_{i,\tau}) - \ln(P_{i,\tau-1})$$

Dimana $r_{i,\tau}$ adalah logaritma harga saham syarikat harian dan P adalah harga penutup saham syarikat harian bermula 121 hari sebelum tarikh pengumuman.

$$R_{i,\tau} = \alpha_i + \beta_i R_{M,\tau} + \varepsilon_{i,\tau}$$

Dimana $R_{i,\tau}$ ialah pulangan saham sebenar dan $R_{M,\tau}$ adalah pulangan pasaran yang menjadikan Indeks Komposit Kuala Lumpur sebagai tanda aras. Pembolehubah α and β dianggarkan menggunakan pulangan saham syarikat harian dan pulangan pasaran harian.

$$AR_{i,\tau} = R_{i,\tau} - E[R_{i,\tau}|\Omega_{i,\tau}]$$

Dimana $AR_{i,\tau}$ ialah pulangan saham luarbiasa yang direkodkan dengan mendapatkan perbezaan diantara pulangan saham sebenar $R_{i,\tau}$ dan jangkaan pulangan saham $E[R_{i,\tau}|\Omega_{i,\tau}]$.

$$AAR(\tau_1, \tau_2) = \frac{1}{N} \sum_{i=1}^N AR_i(\tau_1, \tau_2)$$

Dimana $AAR(\tau_1, \tau_2)$ ialah purata pulangan saham syarikat luarbiasa bagi setiap sampel yang dipilih.


$$CAAR_\tau = \sum_{i=-20}^N AAR_i$$

Dimana $CAAR_\tau$ mewakili purata keseluruhan saham syarikat yang terkesan dengan pengumuman PKP. $CAAR$ adalah kumulatif pulangan purata saham yang dikira dalam tempoh anggaran iaitu 10 hari sebelum dan 10 hari selepas pengumuman dibuat.

DAPATAN KAJIAN

Kesan PKP Terhadap Pulangan Saham Sektor Penjagaan Kesihatan

RAJAH 1: Graf Pulangan Purata Kumulatif Bagi Sektor Penjagaan Kesihatan



Rajah 1 menunjukkan pengumuman PKP secara keseluruhannya telah memberi kesan yang signifikan terhadap sektor penjagaan kesihatan bermula hari ke-10 sebelum pengumuman sehingga hari ke-8 selepas pengumuman dibuat. Dapatan menunjukkan pulangan purata kumulatif yang negatif sepanjang tempoh kajian. Pulangan purata kumulatif terendah dicatatkan pada hari ke-5 selepas pengumuman iaitu sebanyak -5.348% manakala pulangan kumulatif tertinggi direkodkan semasa hari pengumuman dibuat iaitu sebanyak -0.235%. Jadual 2 menunjukkan pulangan purata kumulatif bagi sektor penjagaan kesihatan secara lengkap. Oleh itu, secara pengumuman PKP telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran saham dalam sektor penjagaan kesihatan bagi jangka masa pendek. Secara tidak langsung, pengumuman PKP adalah maklumat yang penting dan bertindakbalas terhadap pulangan saham, selaras dengan Teori *Random Walk*.


JADUAL 2: Kesan PKP Terhadap Pulangan Saham Bagi Sektor Penjagaan Kesihatan

Sub Tempoh	Pulangan Purata Kumulatif	<i>t-statistic</i>	Sub Tempoh	Pulangan Purata Kumulatif	<i>t-statistic</i>
i) Sebelum Pengumuman			ii) Selepas Pengumuman		
(-10...0)	-0.02878	-2.24476*	(0...1)	-0.01347	-3.32277*
(-9...0)	-0.03069	-2.52262*	(0...2)	-0.02493	-4.34808*
(-8...0)	-0.03581	-3.12206*	(0...3)	-0.04395	-6.25822*
(-7...0)	-0.04060	-3.78425*	(0...4)	-0.04555	-5.61624*
(-6...0)	-0.03972	-3.99945*	(0...5)	-0.05348	-5.89840*
(-5...0)	-0.04140	-4.56547*	(0...6)	-0.03670	-3.69531*
(-4...0)	-0.02582	-3.18438*	(0...7)	-0.03565	-3.32284*
(-3...0)	-0.02362	-3.36309*	(0...8)	-0.02926	-2.55104*
(-2...0)	-0.01758	-3.06600*	(0...9)	-0.02363	-1.94212
(-1...0)	-0.00991	-2.44381*	(0...10)	-0.01533	-1.19528

Kesan PKP Terhadap Pulangan Saham Mengikut Sub Sektor

Sektor penjagaan kesihatan merangkumi tiga sub sektor iaitu sub sektor farmasi, peralatan kesihatan dan perkhidmatan hospital. Rajah 2 menunjukkan pulangan purata kumulatif mengikut ketiga-tiga sub sektor penjagaan kesihatan.

RAJAH 2: Graf Perbandingan Pulangan Purata Kumulatif Mengikut Sub Sektor Penjagaan Kesihatan



Pengumuman PKP telah memberi kesan yang signifikan secara berterusan kepada sub sektor farmasi dalam tempoh sepuluh hari sebelum pengumuman PKP dibuat; dan hari ke-2, ke-3, ke-4 dan ke-5 selepas pengumuman. Sama ada memberi kesan yang signifikan atau pun tidak, pengumuman ini telah menyebabkan pulangan saham yang negatif sepanjang tempoh kajian. Pulangan tertinggi dicatatkan pada hari ke-9 selepas pengumuman iaitu sebanyak -0.45% manakala pulangan terendah dicatatkan pada hari ke-3 selepas pengumuman iaitu sebanyak -9.117%

Bagi sub sektor peralatan kesihatan, pengumuman PKP telah memberikan kesan yang signifikan pada hari ke-10, ke-9, ke-2 dan sehari sebelum pengumuman; dan hari ke-7 dan ke-8 selepas pengumuman dibuat. Sementara itu, pulangan purata kumulatif bagi sub sektor ini mencatatkan pulangan yang positif bagi tempoh sepuluh hari sebelum pengumuman. Walaubagaimanapun, sehari selepas pengumuman, pulangan saham mula mencatatkan pulangan negatif dan berterusan sehingga hari ke-10. Pulangan tertinggi dicatatkan pada hari ke-10 sebelum pengumuman iaitu sebanyak +8.512% manakala pulangan terendah dicatatkan pada hari ke-8 selepas pengumuman iaitu sebanyak -6.419%

Manakala sub sektor perkhidmatan hospital merekodkan kesan pulangan yang signifikan bermula pada hari ke-10 sebelum pengumuman PKP dan tamat pada hari pertama selepas pengumuman dibuat. Sub sektor ini mencatatkan kesan yang sama seperti sub sektor farmasi di mana pulangan saham adalah negatif sepanjang tempoh kajian tidak kira sama ada ia signifikan atau pun tidak. Pulangan tertinggi dicatatkan pada hari ke-8 selepas pengumuman iaitu sebanyak +1.130% manakala pulangan terendah dicatatkan pada hari ke-9 sebelum pengumuman dibuat iaitu sebanyak -13.135%. Jadual 3 merupakan dapatan lengkap bagi pulangan saham mengikut ketiga-tiga sub sektor dalam tempoh kajian.

JADUAL 3: Kesan PKP Terhadap Pulangan Saham Mengikut Sub Sektor Penjagaan Kesihatan

Sub Tempoh	Sub Sektor Farmasi		Sub Sektor Peralatan Kesihatan		Sub Sektor Perkhidmatan Hospital	
	Pulangan Purata Kumulatif	<i>t-statistic</i>	Pulangan Purata Kumulatif	<i>t-statistic</i>	Pulangan Purata Kumulatif	<i>t-statistic</i>
i) Sebelum Pengumuman						
(-10...0)	-0.08465	-3.01166*	0.08512	2.381964*	-0.12550	-5.03611*
(-9...0)	-0.07005	-2.62689*	0.06908	2.037644*	-0.13135	-5.55612*
(-8...0)	-0.08132	-3.23444*	0.06035	1.88825	-0.12022	-5.39354*
(-7...0)	-0.07833	-3.33071*	0.03684	1.23240	-0.10679	-5.12169*
(-6...0)	-0.08666	-3.98004*	0.04447	1.60660	-0.10183	-5.27512*
(-5...0)	-0.08744	-4.39932*	0.03346	1.32418	-0.08941	-5.07402*
(-4...0)	-0.05392	-3.03323*	0.01971	0.87226	-0.05489	-3.48266*
(-3...0)	-0.05582	-3.62583*	0.02194	1.12076	-0.04588	-3.36099*
(-2...0)	-0.05321	-4.23308*	0.03161	1.97792*	-0.04018	-3.60545*
(-1...0)	-0.04187	-4.71017*	0.02635	2.33179*	-0.01708	-2.16695*
ii) Selepas Pengumuman						
(0...1)	-0.01483	-1.66804	-0.00954	-0.84433	-0.01777	-2.25531*
(0...2)	-0.04617	-3.67266*	-0.01240	-0.77623	-0.01043	-0.93568
(0...3)	-0.09117	-5.92167*	-0.01688	-0.86266	-0.01038	-0.76028
(0...4)	-0.06829	-3.84109*	-0.03353	-1.48346	-0.02768	-1.75650
(0...5)	-0.07619	-3.83310*	-0.04385	-1.73562	-0.03168	-1.79808
(0...6)	-0.03232	-1.48433	-0.04920	-1.77745	-0.02319	-1.20129
(0...7)	-0.02774	-1.17957	-0.05918	-1.97938*	-0.00961	-0.46110
(0...8)	-0.01866	-0.74230	-0.06419	-2.00837*	0.01130	0.50705
(0...9)	-0.00450	-0.16888	-0.05649	-1.66626	-0.00073	-0.03080

(0...10)	-0.01110	-0.39482	-0.02168	-0.60679	-0.01178	-0.47279
* Bererti pada aras 5%						

Secara keseluruhannya, sub sektor farmasi dan perkhidmatan hospital mencatatkan tren menaik walaupun bermula dengan pulangan negatif sebelum pengumuman. Namun begitu, kenaikan ini tidak mampu memberikan pulangan positif kepada pelabur. Berbeza dengan sub sektor peralatan kesihatan, trend pulangan purata kumulatif adalah menurun. Pulangan purata kumulatif jangka masa pendek dilihat positif sebelum pengumuman PKP dan mula negatif selepas pengumuman dibuat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, PKP telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran saham sektor penjagaan kesihatan di Malaysia untuk jangka masa pendek. Walaupun terdapat permintaan yang tinggi terhadap peralatan kesihatan tertentu, tiada bukti kukuh yang boleh menyokong perkembangan sektor penjagaan kesihatan semasa penularan wabak. Pelabur dilihat lebih berhati-hati dalam sebarang tindakan pelaburan memandangkan pelaksanaan PKP adalah pertama kali dalam sejarah negara. Bagi mengukur kesan PKP untuk jangka masa panjang, pengkaji seterusnya dicadangkan untuk menunggu sehingga tempoh pelaksanaan PKP ditamatkan. Selain itu, memandangkan pelaksanaan PKP ini adalah untuk mengekang penularan wabak Covid-19, isu-isu seperti kemungkinan pasaran saham telah terkesan lebih awal daripada tempoh kajian boleh dikaji kerana wabak ini telahpun terlebih dahulu merebak di luar negara sebelum sampai ke Malaysia.

Rujukan

- Astro Awani (2021, 22 Mei) 2.8 Juta Pekerja Berdepan Hilang Punca Pendapatan Jika PKP Penuh Dilaksana - Tengku Zafrul. *Astro Awani Online*. Bahan diakses pada 26 Jun 2021, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/28-juta-pekerja-berdepan-hilang-punca-pendapatan-jika-pkp-penuh-dilaksana-tengku-zafrul-299307>
- Bernama (2021, 18 Mei). PKP: Kerajaan Tak Tutup Ekonomi Elak Peningkatan Pengangguran. *Sinar Harian Online*. Bahan diakses pada 26 Jun 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/139123/BERITA/Nasional/PKP-Kerajaan-tak-tutup-ekonomi-elak-peningkatan-pengangguran>
- Binder, J. J. (1998). The Event Study Methodology Since 1969. *Review of Quantitative Finance and Accounting*, 11, 111–137. <https://doi.org/10.1023/A>
- Campbell, J. Y., Lo, A. W., & MacKinlay, A. C. (1997). *The Econometrics of Financial Markets*. Princeton University Press.
- Chin, W. C. (2008). A Sectoral Efficiency Analysis of Malaysian Stock Exchange Under Structural Break. *American Journal of Applied Sciences*, 5(10), 1291–1295.
- Fama, E. F. (1970). Efficient Capital Markets: A Review Of Theory And Empirical Work. In *The Journal of Finance* (Vol. 25, Issue 2, pp. 383–417). <https://doi.org/10.1111/j.1540-6261.1970.tb00518.x>

- Hasniza, M. T. (2010). *Corporate Bond Rating Changes, Cross-Market Information Transfer and the Spillover Effect in the United Kingdom* (Issue July). RMIT University.
- MacKinley, C. (1997). Event studies in economics and finance. *Journal of Economic Literature*, XXXV(1), 13–39.
- Mahanum, A. A. (2021, 13 Jun). Permintaan Sarung Tangan Kekal Tinggi. *Berita Harian Online*. Bahan diakses pada 26 Jun 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/827406/permintaan-sarung-tangan-kekal-tinggi>
- Malkiel, B. G. (2003). The Efficient Market Hypothesis and Its Critics. *Journal of Economic Perspectives*, 17(1), 59–82. <https://doi.org/10.1257/089533003321164958>
- Muhammad, N. M. N., & Rahman, N. M. N. A. (2010). Efficient market hypothesis and market anomaly: Evidence from day-of-the week effect of Malaysian exchange. *International Journal of Economics & Finance*, 2(2), 35–42.
- Sadeghi, M. (2008). *Financial Performance of Shariah-Compliant Investment : Evidence from Malaysian Stock Market*. 20(20).
- Soon, L. P., & Abdul Rahim, R. (2016). *Efficiency of Malaysian stock market : A revisit based on analysts ' recommendations*. 2(2), 1–14.
- Tag: *Perintah Kawalan Pergerakan*. (n.d). Bahan diakses pada 20 Disember 2020 daripada <https://www.pmo.gov.my/ms/tag/pkp/>
- Tuyon, J., & Ahmad, Z. (2016). Behavioural finance perspectives on Malaysian stock market efficiency. *Borsa Istanbul Review*, 16(1), 43–61. <https://doi.org/10.1016/j.bir.2016.01.001>
- Yazi, E., Morni, F., & Saw, I. S. (2015). The Effects of Shariah Compliance Announcement towards Stock Price Changes in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management*, 3(11), 1019–1023.